

BAB VI

KESAN SUMBANGANNYA DALAM PERKEMBANGAN ILMU KEAGAMAAN

Kesannya Dalam Perkembangan Ilmu Kalam

Di kalangan sarjana tentang Alam Melayu hampir semua mengetahui bahawa dalam apa sahaja jenis ilmu keislaman yang berkembang di Alam Melayu, khususnya sekitar pertengahan abad ke-19 dan awal abad ke-20 M., nama Syeikh Ahmad al-Patani terlibat secara langsung baik selaku penulisnya mahupun sebagai pentashih, termasuk ilmu tauhid, fiqh dan tasawuf. Dalam perkembangan penulisan beliau, sama ada dalam bahasa Arab mahupun dalam bahasa Melayu terhadap ketiga-tiga jenis ilmu ini pada keseluruhannya terdapat dalam dua bentuk, iaitu bentuk persuratan prosa dan bentuk persuratan puisi. Ini sekaligus menggambarkan bahawa Syeikh Ahmad al-Patani bukan sahaja seorang ulama yang tinggi dalam ilmu keislaman, malahan beliau adalah seorang ahli bahasa dan tokoh sastra Melayu dan Arab yang terkemuka di Alam Melayu dan setanding kebolehannya dengan tokoh Arab sendiri¹.

Sebagai seorang tokoh ulama besar yang menguasai pelbagai disiplin ilmu, terutama ilmu keagamaan, Syeikh Ahmad al-Patani telah meninggalkan

¹ Wan Ismail Wan Ibrahim, "Penghayatan Ilmu Usuluddin, Fiqh dan Tasawuf Berdasarkan Tulisan-Tulisan Syeikh Ahmad", (Kertas Kerja, Seminar Pemikiran Syeikh Ahmad bin Mohd. Zain, Kota Bharu, 12 September 2002), hlm.317-1.

kesan yang sangat besar dalam pertumbuhan dan perkembangan ilmu keagamaan di rantau ini baik semasa beliau masih hidup mahupun selepas pemergiannya. Sebagai contoh, dalam perkembangan ilmu kalam, karyanya **Faridat al-Fara'id** adalah merupakan kitab yang sangat penting bagi masyarakat Melayu untuk memahami dan mendalami perkara asas dalam ilmu kalam aliran Ahli sunnah wal Jamaah².

Melalui kitab ini, nama Syeikh Ahmad al-Patani hampir sinonim dengan nama kitab **Faridat al-Fara'id** sehingga ada ulama dan pelajar-pelajar pondok baik di Bangkok mahupun di Patani sendiri menggelar Syeikh Ahmad al-Patani dengan "Tuan Faridah". Begitu juga di Jawa, sehingga tahun 1960-an para ulama di sana mengenal Syeikh Ahmad al-Patani dengan sebutan "Tuan Ngawamil" kerana karyanya Tashilu Nailil Amani, iaitu Syarah Matnil Awamil sangat digemari oleh para kyai dan pelajar-pelajar pondok di sana³.

Menurut salah seorang ulama Makkah (berasal dari Patani) yang menyatakan bahawa kitab **Faridat al-Fara'id** sekiranya diajar oleh orang yang lebih alim, ia lebih jelas dan lebih luas kandungannya. Ini membuktikan bahawa kitab ini dikarang oleh Syeikh Ahmad al-Patani berdasarkan kepada rujukan yang muktabar pegangan aqidah Ahli Sunnah wal Jamaah, baik dari kitab yang berbahasa Arab mahupun yang berbahasa Melayu. Hal ini diakui antara lain

² Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Patani, **Faridat al-Fara'id**. Wan Mohd. Shaghir Abdullah (terj). (Kuala Lumpur : Khazanah Fathaniyah, 1998), hlm. 1.

³ Ibid., hlm. 11.

dalam *Natijah al-Ahmadiyah* (Singapura, 1926M/1345H) yang menyatakan bahawa kitab **Faridat al-Fara'id** membicarakan ilmu usuluddin yang suci daripada campuran bicara yang lain dan bersih daripada ibarat yang lebih-lebih supaya mudah mengerti orang yang mempelajari (mengaji) dan mengkajinya (muthala'ahnya)⁴.

Kitab **Faridat al-Fara'id** masih digunakan oleh guru-guru agama untuk mengajar baik di surau, masjid mahupun di pondok-pondok. Menurut salah seorang guru pondok yang menggunakan kitab ini menyatakan bahawa hingga ke hari ini belum ada kitab tauhid dalam bahasa Melayu yang menyamai kehebatan dan kelebihan kitab **Faridat al-Fara'id**. Oleh kerana itu, ia akan tetap diajarkan di pondok-pondok. Beliau menambahkan lagi bahawa di dalam kitab ini, ia mempunyai erti yang tersirat baik ditinjau dari segi susunan tatabahasa (nahu dan saraf) mahupun penafsiran secara rahsia⁵.

Kemasyhuran kitab **Faridat al-Fara'id** bukan sahaja di kalangan ulama-ulama Patani, tetapi juga di kalangan ulama-ulama lain di Alam Melayu. Di Kelantan, salah seorang ustaz yang mengajar di masjid-masjid sekitar Kota Bharu, bahkan mungkin hampir seluruh Negeri Kelantan, menyatakan bahawa kitab **Faridat al-Fara'id** karya Syeikh Ahmad al-Patani ini adalah di antara kitab yang digunakan oleh beliau untuk mengajar tentang aqidah. Beliau menambahkan

⁴ Ibid., hlm 11.

⁵ Wawancara dengan Haji Ismail bin Haji Idris, seorang imam dan guru agama yang mengajar di Pondok Bendang Badan, Patani, di Pondok Bendang Badan pada 26 Disember 2001.

lagi bahawa cukup besar amal jariyah tuan guru Syeikh Ahmad kerana di salah sebuah masjid yang beliau mengajar tidak kurang yang hadir sekitar lima ratus orang. Tegasnya lagi, yang mengajar kitab **Faridat al-Fara'id** bukanlah beliau sahaja, tetapi masih ramai ustaz-ustaz yang lain. Cuba bayangkan dari dahulu hingga sekarang **Faridat al-Fara'id** masih tetap diajarkan. Itulah sebabnya beliau menyatakan cukup banyak amal jariyah yang diterima oleh pengarang kitab ini, iaitu Syeikh Ahmad al-Patani⁶.

Selain dari itu, oleh kerana pentingnya kitab ini, terutama kepada guru-guru yang mengajar tentang aqidah, akhirnya telah mendorong beberapa orang guru agama membuat ringkasan dan syarahan terhadap kitab ini. Kitab **Faridat-al-Fara'id** yang diringkaskan namanya "*Pati Faridat al-Fara'id*" telah diusahakan oleh Tuan Guru Haji Nik Abdullah al-Jambu al-Patani⁷. Manakala syarahnya pula diusahakan oleh Tuan Guru Haji Abdullah bin Haji Ibrahim bin Abdul Karim al-Patani dengan nama "**Umdat Thalibil Mujtahid bi Syarahi Faridat al-Fara'id**"⁸.

Pentingnya kitab ini untuk masyarakat Melayu dapat disemak melalui cetakan-cetakan yang mencetaknya. Cetakan terawal adalah diusahakan pada

⁶ Wan Mohd. Shaghir Abdullah, *Faridatul*, hlm. 13.

⁷ Haji Nik Abdullah al-Jambu, *Pati Faridat al-Fara'id*. (Patani : Teman Pustaka Press, 1385 H), hlm. 1

⁸ Haji Abdullah bin Haji Ibrahim, *Umdat al-Thalib al-Mujtahid fi Syarah Faridat al-Fara'id*. (Patani : Maktabah wa Matbu'ah Muhammad al-Nahdi wa Aulad, t.t), hlm. 1. Maklumat selanjutnya sila lihat karya Mat Rofi Ismail, *Mantik, Matematik dan Budaya Ilmu*. (Kuala Lumpur : Penerbit Universiti Malaya, 1994), hlm. 234.

masa pengarangnya masih hidup atas usaha beliau sendiri. Cetakan pertama oleh Matba'ah al-Miriyah al-Kainah, Makkah, 1313H. Cetakan-cetakan di percetakan ini yang telah ditemui ialah cetakan yang ketiga, pertengahan bulan Zulqa'idah 1317H dan pertengahan bulan Rabi'ul Awal 1325H⁹.

Selain di Makkah, Mesir juga turut mencetak kitab **Faridat al-Fara'id**. Di atas perbelanjaan Haji Wan Ismail al-Patani, anak pengarangnya, percetakan Matba'ah Dar al-Kutub al-Arabiyah al-Kubra, Mesir telah mencetak pada bulan Jumadil Akhir 1328H (cetakan yang ketiga). Selain itu, percetakan Matba'ah Mustafa al-Baby al-Halaby, Mesir juga turut mencetak kitab ini, iaitu pada bulan Jumadil Akhir 1351 H (cetakan yang keenam) dan cetakan yang ketujuh pada tahun 1353H/1934 M¹⁰.

Manakala percetakan-percetakan di Alam Melayu sendiri yang mencetak kitab ini ialah percetakan Matba'ah al-Ahmadiyah, Singapura, pada tahun 1344H/1926 M (cetakan kelima) dan tahun 1345 H/1927 M (cetakan keenam). Perbelanjaannya dibiayai oleh anak pengarang, iaitu Haji Wan Ismail al-Patani¹¹.

Selain itu terdapat juga edisi cetakan Persama Press, Pulau Pinang 1360H/1941 M (edisi cetakan ketiga), Maktabah wa Matba'ah Dar al-Ma'rif, Pulau Pinang, Matba'ah Dar al-Thiba'ah al-Islamiyah, Patani, Matba'ah Sulaiman

⁹ Wan Mohd. Shaghir Abdullah, *Faridatul*, hlm. 14.

¹⁰ Mahayudin Haji Yahaya, *Islam Di Alam Melayu*. (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1998), hlm. 71. Lihat juga Wan Mohd. Shaghir Abdullah, *Fatawa*, hlm. 14.

¹¹ Mahayudin Haji Yahaya, *Islam*, hlm. 71. Lihat juga Wan Mohd. Shaghir Abdullah, *Fatawa*, hlm. 15.

Mar'i, Singapura, al-Ahliyah, Kelantan, Nahdi, Bangkok, dan Bungkul, Surabaya. Semua cetakan-cetakan terkini tidak dapat diketahui lagi edisi yang keberapa kerana ada yang tidak dinyatakan edisinya¹².

Dari paparan-paparan di atas telah menunjukkan bahawa kitab **Faridat al-Fara'id** adalah merupakan kitab Melayu Jawi yang paling banyak dicetak. Ia juga paling banyak nama percetakan yang pernah mencetaknya. Dari segi jumlah naskah cetakan juga merupakan yang terbanyak kerana menurut penyelidikan Wan Muhd. Shaghir Abdullah, bahawa di Timur Tengah sahaja setiap kali dicetak jumlahnya sepuluh ribu naskah. Dari cetakan yang pertama hingga sekarang tidak dapat dipastikan jumlahnya. Hanya dapat disimpulkan di sini bahawa umat Islam di Alam Melayu yang memahami aqidah Ahli Sunnah wa Jamaah melalui kitab **Faridat al-Fara'id** dari dahulu hingga sekarang semakin bertambah kerana kitab ini dijadikan diantara kitab berbahasa Melayu yang terbaik dalam bidang aqidah.

Begitu juga para ulama yang mengeditkan cetakan-cetakan **Faridat al-Fara'id** sangat ramai. Diantaranya ialah cetakan terawai diedit (ditashih) oleh pengarangnya sendiri, kemudian cetakan-cetakan selanjutnya oleh Haji Wan Ismail bin Syeikh Ahmad al-Patani, Syeikh Abdul Razak bin Muhammad Lampung, Syeikh Ahmad Thahir Khatib Kerue al-Jawi (kedua-duanya di

¹² Ibid., hlm 15.

percetakan Matba'ah Dar al-Kutub al-Arabiyah al-Kubra), Syeikh Abdullah al-Makki (di percetakan Persama Press) dan Uthman Shalih al-Azhari (di percetakan Maktabah wa Matba'ah Dar al-Ma'arif)¹³.

Kesannya Dalam Perkembangan Ilmu Fiqh

Selain ilmu kalam, jasa Syeikh Ahmad al-Patani dalam bidang fiqh juga cukup besar dan penting. Walaupun kitab **Fatawa al-Fathaniyah** yang merupakan jawapan Syeikh Ahmad al-Patani terhadap pelbagai persoalan keislaman yang ditanya oleh umat Islam dari kebanyakan negara-negara Islam, khususnya dari Alam Melayu sendiri, namun jawapan dan kupasannya mengenai fiqh di dalam kitab ini sangat besar pengaruh dan kesannya di dalam perkembangan ilmu keagamaan di rantau ini.

Di antara kupasan Syeikh Ahmad al-Patani yang berkaitan dengan ilmu fiqh dalam kitab **Fatawa al-Fathaniyah** yang masih relevan sampai sekarang ialah tentang hukum terhadap binatang hidup dua alam, tatacara berkhitan menurut Islam, pengurusan jenazah, thaharah, zakat, falak, mu'amalat, munakahat dan fara'id¹⁴.

Pentingnya kitab ini untuk masyarakat Islam di rantau ini sebagai panduan dalam masalah fiqh dapat dinilai melalui beberapa percetakan di rantau ini sendiri

¹³ Ibid., hlm. 15.

¹⁴ Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Patani, **Fatawa al-Fathaniyah**. Wan Mohd. Shaghir Abdullah (terj.). (Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah, 1997), hlm. 1-152.

yang mencetaknya. Di antaranya ialah Matba'ah al-Kamaliyah, Matba'ah Patani Press dan percetakan di Singapura yang hanya dinyatakan "yang telah ditabakan dia di Singapura" tanpa menyebut nama percetakannya. Selain itu, kitab ini juga pernah dikaji oleh Prayot Rahimmula untuk mendapatkan Ph.D di Fakulti Sains Sosial, Universiti Kent dengan judul "The Patani Fatawa : A Case Study of The Kitab al-Fatawa al-Fathaniyah of Shaykh Ahmad bin Muhammad Zain bin Mustafa al-Patani"¹⁵.

Selain kitab **Fatawa**, kupasan-kupasan Syeikh Ahmad al-Patani dalam bidang fiqh juga terdapat dalam kitab-kitabnya yang lain seperti dalam **Bahjat al-Mubtadin wa Farhat al-Mujtahidin**, **Basyarat al-Amilin wa Nazarat al-Ghailin**, **Unwanul Falah** dan **Hadiqatul Azhar**. Kitab-kitab ini telah digunakan oleh murid-murid Syeikh Ahmad al-Patani yang mengajar dan membuka pondok di rantau ini. Disamping itu ulama-ulama sekarang pun ada yang menggunakan kitab-kitab ini untuk mengajar ilmu keagamaan.¹⁶

Di antara kupasan beliau dalam bidang fiqh yang menarik dan tidak banyak atau bahkan hampir tidak ada kupasan seperti ini dalam kitab-kitab Melayu yang lain ialah tentang sifat air mutlak yang tiada menjadi musta'mal kerana perubahan yang sedikit. Menurut beliau :

"Maka tiada memberi mudharat berubah yang sedikit, iaitu berubah yang tiada mencegah nama air dan jika ada ia sesuatu yang

¹⁵ Ibid , hlm. 4-9

¹⁶ Mat Rofi Ismail, **Mantik**, hlm. 222-236.

mencampuri yang terkaya air daripadanya sekalipun kerana bahawasanya Nabi (Muhammad S.A.W) mengambil wudhu' ia daripada bejana kayu yang ada padanya bekas gandum yang diuli¹⁷,

Selain itu, kupasannya yang lain ialah tentang keperluan memotong tali pusat anak yang keguguran (lahir dan meninggal sebelum sampai masanya) atau meninggal ketika kelahiran. Menurut Syeikh Ahmad al-Patani bahawa anak yang gugur dan anak yang mati sebelum daripada dipotong pusat, maka kedua-duanya adalah wajib dipotong, kerana berdasarkan jawapan yang diberikan oleh Syeikh Muhammad Sa'id bahawa tiada terkecuai anak yang keguguran itu (selepas disahkan hidup sebelum dilahirkan) wajib ke atasnya mandi, kapan, sembahyang dan mengebumikannya¹⁸.

Masih dalam bab jenazah, beliau menyebut tatacara mengurus jenazah orang yang meninggal di dalam pelayaran. Menurut beliau bahawa :

“jika mati ia di dalam perahu diniatkan sampai kepada pantai supaya ditanam pada darat. Jika hampir dan tidak ada, maka yang masyhur seperti yang dinaskan atasnya oleh Imam Syafi'e bahawa diikat antara dua tempat supaya tidak bengkok ia dan dicampak ke dalam laut supaya temaik ia ke darat, maka barangkali mendapatkan dia oleh orang Islam maka ditanamnya akan dia kepada kiblat, maka jika mencampak mereka itu akan dia ke dalam laut dengan ketiadaan dua papan dan memberat mereka itu akan dia dengan umpama batu nescaya tiada berdosa¹⁹”

¹⁷ Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Patani, *Bahjat al-Muhtadin wa Farhat al-Mujtahidin*. (Kuala Lumpur : Khazanah Fathaniyah, 2000), hlm. 10.

¹⁸ Ibid., hlm.23.

¹⁹Haji Ranili Selar Budi, “Penghayatan Ilmu Usuluddin, Fiqh dan Tasawuf”.(Seminar Pemikiran Syeikh Ahmad bin Mohd. Zain, Kota Bharu, 12 September 2002), hlm.13.

Adapun tentang sunat yang perlu dilakukan ketika menyambut kelahiran anak, selain daripada azan di telinga kanan dan iqamat di telinga kiri, menurut Syeikh Ahmad al-Patani ialah :

“Dan disunatkan pula membaca Surat Ikhlas pada telinga kanan serta zahir ibarat fath al-Jawad bahawasanya ia kemudian daripada bang (azan) itu dan dahulu daripada iqamat pada telinga kiri dan sunat pula dibaca pada telinganya sama ada laki-laki atau perempuan (inni a’ezuha bika wa zurriyatuha min al-syaitan al-rajim), dan sunat ada yang bang(azan) dan yang iqamat dan yang membaca ayat-ayat itu daripada ahli al-khair”²⁰.

Dalam bidang munakahat, di antara kupasannya yang menarik ialah tentang tahap-tahap idah perempuan iaitu yang pertama idah perempuan yang merdeka, tetapi mengandung idahnya ialah kelahiran anaknya dan yang tidak mengandung empat bulan sepuluh hari. Yang kedua ialah idah perempuan yang bercerai hidup dalam keadaan mengandung ialah kelahiran anak dan yang tidak mengandung dan dari kalangan perempuan yang masih datang haid, maka idahnya tiga bulan suci. Ketiga ialah idah perempuan yang bercerai hidup, tetapi masih kanak-kanak atau sudah dewasa yang tidak pernah datang haid atau pun sudah putus haid, maka idahnya ialah tiga bulan. Manakala idah hamba perempuan yang berpisah hidup, tetapi mengandung ialah kelahiran anaknya dan yang kematian suaminya tetapi tidak mengandung ialah dua bulan lima hari. Terakhir ialah idah

²⁰ Ibid., lilm. 17.

hamba perempuan yang bercerai hidup dan masih datang haid, maka idahnya ialah dua kali suci dan sebaliknya kalau tidak mempunyai haid, idahnya sebulan setengah sahaja.²¹ Itulah sebahagian daripada kupasan-kupasan yang dibuat oleh Syeikh Ahmad al-Patani dalam bidang fiqh dan masih digunakan oleh masyarakat Melayu dalam bidang tersebut.

Kesannya Dalam Perkembangan Ilmu Tasawuf

Selain ilmu kalam dan fiqh, penguasaan Syeikh Ahmad al-Patani dalam bidang tasawuf juga cukup baik. Hal ini dapat dilihat dari kes-kes yang timbul berkaitan dengan tasawuf di rantau ini juga merujuk kepada beliau. Diantaranya ialah kes yang berlaku di Kerajaan Negeri Kelantan tentang Tarekat Ahmadiyah yang dibawa oleh muridnya Syeikh Muhammad Sa'id bin Jamaluddin Linggi mengenai jazabah. Sebagai jawapan terhadap permasalahan ini, Syeikh Ahmad al-Patani telah menulis dalam dua jenis, iaitu yang pertama dalam bentuk puisi dan yang kedua dalam bentuk huraian biasa yang diberi judul **Risalah Miratil A'ajib wa Jawabi su alil Majazib**²².

Walaupun tidak ada karya beliau yang khusus membahas tentang tasawuf, namun dari karya-karya beliau yang ada, beliau menyebut bahawa beliau adalah

²¹ Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Patani, **Bahjat al-Mubtadin**, hlm.55 Lihat juga Wan Ismail Wan Ibrahim, Penghayatan, hlm.20.

²² Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Patani, **Fatawa al-Fathaniyah**. Wan Mohd Shaghir Abdullah (terj). (Kuala Lumpur : Khazanah Fithaniyah, 1996). Lihat juga Haji Ramli Selar Budi, "Penghayatan Ilmu Usuluddin, Fiqh dan Tasawuf", hlm. V.

penganut beberapa tarekat yang ada pada masa itu seperti di antaranya Tarekat Ahmadiyah dan Tarekat Syatariyah²³. Berkaitan dengan tasawuf, beliau menekankan bahawa para pengamal tasawuf tidak boleh sekali-kali menghina ilmu syari'ah kerana antara keduanya adalah merupakan satu kesatuan dalam proses penyempurnaan bagi seseorang Islam²⁴.

Masih dalam konteks yang sama, beliau menjelaskan dalam bentuk syair, iaitu "Ilmu syara' tali tasawuf" yang bermaksud bahawa pentingnya ilmu syara' sebelum seseorang itu mempelajari ilmu tasawuf bahkan ilmu-ilmu lainnya, sehingga Syeikh Ahmad al-Patani mengibaratkan sebagai "tali pengikat". Banyak barang yang perlu menggunakan tali pengikat, walaupun tidak menggunakan tali namun digunakan benda-benda lain yang sejenisnya untuk sebagai pengikat.²⁵

Dalam bidang tasawuf, Jasanya yang paling berkesan ialah melalui syair-syair yang berbentuk sufi. Di antara nasihat beliau ialah seseorang itu jangan belajar tarekat kepada guru-guru yang tidak mursyid, yang tidak berkelayakan pada bidang pendidikan kerohanian menurut kaedah tarekat sufi yang mu'tabar. Dalam hal ini, beliau menyebut dalam syair sufinya "jangan guru makrifatnya

²³ Dalam Tarekat Ahmadiyah beliau menerima ijazah tarekat dari Saiyidi Ibrahim Rasyidi (wafat 9 Sya'ban 1291 H/ 1874 M). Manakala dalam Tarekat Syatariyah beliau menerima ijazah dari beberapa orang, di antaranya ialah Syeikh Wan Muhammad Zain bin Mustafa al-Patani, Syeikh Wan Ali al-Kalantani dan Syeikh Abdul Qadir bin Abdul Rahman al-Patani. Sumber *Fatawa*, hlm.6.

²⁴ Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Patani, *Hadiqatul Azhar wa al-Rayahin*. Wan Mohd. Shaghir Abdullah (terj). (Kuala Lumpur : Khazanah Fathaniyah, 1998), hlm.244.

²⁵ Wan Mohd. Shaghir Abdullah, *Penjelasan Nazham Syair Shufi*. (Kuala Lumpur : Khazanah Fathaniyah, 1998), hlm.47.

tersikat” membawa erti bahawa ilmu-ilmu yang diajarkan oleh guru-guru tersebut dapat disalahkan oleh guru-guru lain kerana tidak cukup mahir dalam menggunakan dalil-dalil syara’, rasional, pengalaman sufi dan lain sebagainya²⁶.

Di dalam pengamalan tasawuf, seseorang haruslah rajin membaca wirid dan berzikir. Wirid dan zikir yang dimaksudkan di sini melengkapkan wirid dan zikir tarekat, baik yang berijazah mahupun yang tidak berijazah. Mengenai zikir, ada yang dinamakan “Zikir Hasanah” dan ada yang dinamakan “Zikir Darajah”. Dalam konteks ini, Syeikh Ahmad al-Patani telah menyusun beberapa buah kitab mengenainya. Salah sebuah di antaranya beliau beri judul *Bada-i’uz Zuhur* yang beliau tulis dalam bahasa Melayu²⁷.

Beliau tidak setuju dengan (membantah) pendapat yang mengatakan bahawa ilmu tarekat itu adalah sesat, bid’ah, tidak berguna dan sebagainya dengan syairnya yang berbunyi “Ilmu tharikat sangat lebih gunanya” yang membawa maksud bahawa ilmu tarekat itu terlalu banyak gunanya dan tidak sesat. Dalam hal ini, beliau seterusnya menyebut dalam syairnya “Murid jahil guru kurang sempurnanya” yang membawa maksud bahawa yang sesat dan salah ialah orangnya²⁸. Semua kupasan dan pemikiran Syeikh Ahmad al-Patani seperti yang disebutkan di atas telah berkembang dan memberi kesan yang sangat mendalam

²⁶Ibid., hlm.28.

²⁷ Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Patani, *Bada-i’uz Zuhur*, Wan Mohd. Shaghir Abdullah (terj). (Kuala Lumpur : Khazanah Fathaniyah, 1997), hlm.1-126.

²⁸ Wan Mohd. Shaghir Abdullah, *Penjelasan*, hlm.55.

kepada masyarakat Islam di Alam Melayu melalui murid-murid beliau yang membuat kupasan dan huraian terhadap pemikiran tersebut.

Hampir semua ulama-ulama Alam Melayu yang melanjutkan pelajaran mereka di Makkah ketika itu berguru dengan Syeikh Ahmad al-Patani. Di antara mereka ada yang menjadi pemimpin agama yang terkenal, tokoh Islam, ulama, mufti, kadi, pengetua sekolah agama dan guru pondok. Nik Mahmud bin Nik Ismail yang lebih cenderung mempelajari ilmu politik daripadanya telah dilantik menjadi Perdana Menteri (Menteri Besar) Kelantan. Haji Ibrahim menjadi mufti besar Negeri Kelantan, Syeikh Mohamad bin Mohamad Said menjadi mufti Negeri Sembilan. Khatib Jabar kemudiannya menjadi imam di Sambas, Kalimantan Barat. Haji Mohammad Salleh menjadi kadi besar di Kemboja²⁹.

Dalam bidang pendidikan, beliau merupakan orang yang paling penting di dalam melahirkan generasi intelektual Islam di Alam Melayu, khususnya di Patani dan Kelantan sekitar pertengahan abad ke-19 dan awal abad ke-20 M. Secara tidak langsung beliau boleh dikatakan orang yang bertanggungjawab meletakkan dasar dan sistem pendidikan pondok yang lebih berperaturan jika dibandingkan dengan keadaan sebelumnya di Negeri Kelantan kerana diantara orang-orang penting di dalam mewujudkan sistem pendidikan di sana adalah terdiri daripada

²⁹ Mohd. Zamberi A. Malik, *Patani Dalam Tamadun Melayu*. (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994), hlm. 118.

murid-murid beliau³⁰.

Di antara muridnya yang paling istimewa dan berjasa besar dalam bidang perkembangan ilmu keagamaan di Kelantan ialah Tok Kenali atau nama penuhnya Haji Mohammad Yusuf bin Ahmad Kenali yang belajar dengan beliau selama 20 tahun. Tok Kenali bukan sahaja berjaya mewarisi tradisi keilmuan Syeikh Ahmad al-Patani, tetapi cara hidup Syeikh Ahmad al-Patani juga dicontohnya apabila beliau kembali ke tanah air. Beliau memulai kerjayanya sebagai guru agama dengan mengajar di rumahnya di kampung Paya. Pengajarannya kemudian segera berkembang menjadi pusat pengajian yang terkenal di kampungnya itu. Metod pengajiannya dipercayai sama dengan cara yang diberikan oleh gurunya Syeikh Ahmad al-Patani dan demikian juga kitab-kitab yang beliau gunakan di pondoknya dianggap sama dengan apa yang diajarkan oleh Syeikh Ahmad al-Patani. Kejayaan Tok Kenali melahirkan generasi ulama yang meneruskan tradisi pengajian pondoknya, baik secara langsung mahupun secara tidak langsung dapat menaikkan imej kelebihan Syeikh Ahmad al-Patani³¹.

Kesannya Dalam Perkembangan Ilmu Pemerintahan Islam

Dalam bidang pemerintahan, Syeikh Ahmad al-Patani adalah seorang ulama Melayu yang sangat mengambil berat terhadap perkembangannya dan sangat

³⁰ Ibid., hlm. 119.

³¹ Hamdan Hasan, "Syeikh Ahmad Pemikir Bangsa". (Kertas Kerja, Seminar Pemikiran Syeikh Ahmad bin Mohd. Zain, Kota Bharu, 12 September 2002), hlm. 5.

prihatin dengan perkembangan politik semasa di dunia Islam, khususnya yang berkaitan dengan Alam Melayu. Di antara gagasannya mengenai politik beliau menyebut bahawa ilmu politik adalah merupakan ilmu yang dapat memperbaiki umat dengan cara memerintah dan menunjuk mereka itu kepada jalan yang dapat menyelamatkan dan melepaskan umat daripada sesuatu yang tidak baik pada dunia dan akhirat. Beliau menambahkan lagi bahawa tugas melaksanakan pemerintahan dan menyelamatkan umat ini adalah merupakan warisan daripada para nabi.³²

Menurut Syeikh Ahmad al-Patani bahawa hukum mempelajari dan melaksanakan pemerintahan Islam ini adalah fardhu kifayah (wajib kifayah), dengan matlamat untuk melaksanakan kebenaran, keadilan dan akhirnya menyelamatkan umat di dunia dan akhirat. Pada masa yang sama seorang pemimpin itu harus dapat memelihara pemerintahannya daripada terjerumus ke dalam kebinasaan dan kehancuran.³³

Beliau menambahkan lagi bahawa tugas melaksanakan pemerintahan Islam di dunia adalah merupakan kesinambungan daripada perjuangan para nabi-nabi. Perjuangan utama dan paling asas dari kalangan nabi-nabi sejak dari Nabi Adam hinggalah Nabi Muhammad S.A.W. adalah sama, iaitu perjuangan menerapkan tauhid dan syariat.

Selanjutnya Syeikh Ahmad al-Patani berpendapat bahawa sekiranya

³² Syeikh Ahmad al-Patani, *Hadiqatul Azhar*, Wan Mohd. Shaghir Abdullah (terj). (Kuala Lumpur : Khazanah Fathaniyah, 1998). hlm. 194.

³³ *Ibid.*, hlm.195.

manusia lemah dan tidak mampu untuk melaksanakan hukum syara' seperti rejam ke atas orang yang melakukan zina dan bimbang akan menimbulkan fitnah yang boleh membahayakan umat Islam yang tidak berkuasa untuk menolaknya, maka keadaan demikian gugurlah kewajipan ke atas umat Islam untuk melaksanakannya ketika itu. Namun demikian, menurut Syeikh Ahmad al-Patani bahawa kita tidak boleh berhenti di situ sahaja. Sudah menjadi kewajipan ke atas sekalian umat Islam supaya bersungguh-sungguh mencari jalan dengan tadbir dan siasah, dan belajar serta memberikan anak-anak kita akan segala wasilah bagi mendirikan segala hukum syara' daripada segala ilmu siasah dan ilmu syara' sehingga generasi-generasi berikutnya dari kalangan umat Islam dapat mendirikan seperti yang ditentukan oleh agama Islam³⁴. Dari pernyataan di atas, kita dapat membuat kesimpulan bahawa dalam keadaan bagaimanapun juga dan apa cara sekali pun hukum syara' atau syara`at Allah wajib diperjuangkan dan dijalankan.

Suatu hal yang menarik bahawa hampir semua murid-murid Syeikh Ahmad al-Patani menjadi ulama besar, tokoh-tokoh kenegaraan yang tercatat dalam sejarah perkembangan kemajuan keagamaan di rantau ini. Gagasan dan perjuangan Syeikh Ahmad al-Patani seperti yang dipaparkan di atas telah diteruskan dan diperjuangkan oleh rangkaian murid-murid beliau. Di Kelantan Nik Mahmud bin Nik Ismail yang merupakan salah seorang murid beliau telah

³⁴ Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Patani, *Fatawa Fathaniyah*. Wan Mohd. Shaghir Abdullah (terj). (Kuala Lumpur : Khazanah Fathaniyah, 1996), hlm.122.

lilantik menjadi Perdana Menteri Kelantan.

Di Patani, ulama yang dikatakan paling banyak dipengaruhi oleh Syeikh Ahmad al-Patani dalam bidang politik ialah Haji Sulong bin Abdul Qadir bin Muhammad bin Syeikh Zainal Abidin bin Muhammad al-Patani. Haji Sulong berangkat ke Makkah pada usianya yang masih muda. Walaupun beliau tidak begitu lama berguru dengan Syeikh Ahmad al-Patani, tetapi pengaruh Syeikh Ahmad al-Patani ke atas beliau sangat besar³⁵. Di Patani, jasa Haji Sulong yang paling besar dalam bidang politik ialah tuntutan kepada penjajah Siam yang dikenali dengan "Tuntutan Tujuh Pasal"³⁶. Akibat daripada tuntutan ini, akhirnya beliau ditangkap oleh penjajah Siam dan sampai sekarang tidak diketahui di mana kuburnya.

Selain tuntutan tujuh pasal di atas, jasa beliau yang lain ialah pada tahun 1944 beliau bersama semua ulama dan guru-guru pondok di Patani yang diketuai

³⁵ Muhammad Kamal K. Zaman, *Fatani 13 Ogos*. (t.p. 1995), hlm.1.

³⁶ Diantara tuntutan yang beliau buat kepada penjajah Siam ialah minta mengadakan seorang ketua yang beragama Islam diperanakan di dalam empat wilayah ini dengan pilihan saudara anak negeri di dalam empat wilayah dengan diberikan kuasa penuh kepadanya iaitu mentadbir empat wilayah ini. Kedua tuntutan supaya mengadakan pelajaran bahasa Melayu pada tiap-tiap sekolah mukim bagi kanak-kanak berumur tujuh tahun sebelum masuk belajar bahasa Siam. Tuntutan yang ketiga iaitu kehasilan atau kedapatan dalam empat wilayah dibelanjakan kepadanya sahaja. Keempat supaya pegawai kerajaan dipakai orang Islam 80 peratus mengikut penduduk negeri banyak yang beragama Islam. Kelima supaya tulisan Bahasa Melayu menjadi bahasa rasmi. Keenam mengasingkan mahkamah syariah daripada pejabat undang-undang kerajaan serta mengadakan mahkamah khas iaitu untuk mengurus dakwaan yang bersabit dengan hukum Islam. Dan yang terakhir ialah Majlis Agama Islam berkuasa mengeluarkan undang-undang pentadbiran agama Islam dengan dipersetujui oleh ketua besar di empat wilayah. Untuk maklumat lebih lanjut sila semak karya Muhammad Kamal K. Zaman, *Fatani 13 Ogos*. (t.p.,1995), hlm. 17-18.

oleh beliau mengadakan perjumpaan lalu menubuhkan sebuah pertubuhan Islam Patani yang pertama dengan nama “Majlis Haiatul al-Munaffizul al-Ihkamul Syar’iyah”. Diantara tujuan penubuhannya ialah mewujudkan kerjasama antara ulama dengan pemimpin-pemimpin tempatan bagi mempertahankan maruah orang Islam dari tindakan dasar Siam mengsiamkan orang Melayu. Ahli-ahli yang menduduki dalam jawatankuasa terdiri dari Haji Wan Muhammad Bermin, Jambu, Haji Muhammad Pauh, Bendang Jelapang, Haji Hassan Mak Ngol, Rakok dan lain-lain yang jumlah kesemuanya sebelas orang³⁷.

Dalam bidang pendidikan, Haji Sulong merupakan orang yang pertama di Patani yang memperkenalkan sistem pendidikan sekolah agama dengan nama “Madrasah al-Ma’rif al-Wataniyah Patani” atau sekarang lebih terkenal dengan “Ma’had Darul Ma’rif” yang terletak di tengah-tengah bandar Pattani sekarang. Sekolah ini ditubuhkan pada tahun 1933M³⁸.

Selain Haji Sulong, Murid-muridnya yang lain ialah Syeikh Muhammad bin Idris al-Patani. Beliau seorang ulama besar yang setaraf dengan Tok Kenali Kelantan. Di Patani, beliau lebih terkenal dengan sebutan Tok Guru Burmin kerana pondok yang dibangunkan oleh beliau namanya Pondok Burmin, di Jambu Patani. Pondok ini adalah merupakan pondok yang paling ramai muridnya di masa

³⁷ Ibid., hlm. 13

³⁸ Ibid., hlm. 8.

Murid-muridnya yang lain berjaya membuka pondok dan terkenal di Patani ialah Syeikh Abdus Samad bin Muhammad Samman al-Nufi al-Patani, Syeikh Abdullah bin Qasim Senggora, Syeikh Muhammad bin Husein bin Abdul Latif al-Patani, Tengku Mahmud Zuhdi bin Abdul Rahman al-Patani, Syeikh Muhammad Nur bin Syeikh Nik Mat Kecil al-Patani dan banyak lagi yang lain⁴⁰.

Adapun murid-murid Syeikh Ahmad al-Patani yang terkenal di Malaysia selain Tok Kenali dan Nik Mahmud ialah Syeikh Abdus Samad bin Muhammad Saleh (Tuan Tabal), Syeikh Ahmad Atas Banggul, Haji Ibrahim bin Haji Yusuf, Tuan Guru Haji Ya'kub, Sik, Kedah, Haji Muhammad bin Haji Muhammad Said Khatib dan lain-lain lagi. Manakala murid-murid Syeikh Ahmad al-Patani di Kemboja dan Indonesia ialah Haji Muhammad Shalih (kadi Kemboja), Tengku Sulaiman (Kemboja), Tuan Guru Haji Muhammad Tahir (kemboja), Syeikh Sulaiman al-Rasuli (Indonesia), Syeikh Muhammad Jamil Jaho (Indonesia), Syeikh Hasan bin Maksum (Indoneisa) dan lain-lain lagi⁴¹.

Itu adalah sebahagian nama murid-murid Syeikh Ahmad al-Patani di Alam Melayu yang paling berjasa di dalam perkembangan ilmu keagamaan di Alam Melayu. Seperti ulama-ulama lain di dunia Islam yang ilmu mereka diajar, di

⁴⁰ H.W.M. Saghir Abdullah, *Fatawa Tentang Binatang Hidup Dua Alam*. (Kuala Lumpur : Hizbi, 1990), hlm.42

⁴⁰ *Ibid.*, hlm.43.

⁴¹ *Ibid.*, hlm.46-53.

kupas, disyarah dan disebarkan oleh murid-murid mereka, maka begitu juga dengan Syeikh Ahmad al-Patani yang ilmu dan gagasan-gagasan beliau diajar dan disyarah dan disebarkan oleh murid-murid beliau.

KESIMPULAN

Kajian ini berusaha mengetengahkan penjelasan secara komprehensif tentang peranan dan sumbangan Syeikh Ahmad al-Patani dalam usaha menyebarkan ilmu keislaman yang berpusat di Timur Tengah ke rantau Alam Melayu iaitu sekitar akhir abad ke-19 hingga awal abad ke-20. Usaha ini meliputi pelbagai bidang, iaitu mulai dari bidang ilmu kalani, fiqh, pemerintahan Islam (siasah), tasawuf, sastera dan percetakan.

Penyebaran pengajian Islam dari Timur Tengah ke kawasan-kawasan Alam Melayu merupakan satu faktor penting di dalam membentuk wacana intelektual Islam di rantau Islam yang baru ini. Ulama-ulama Alam Melayu, yang bertanggungjawab mengislamkan daerah ini, adalah merupakan orang-orang yang mendapat didikan di Timur Tengah, terutama di Makkah dan Madinah. Mereka membawa satu misi sebagai "cultural brokers" dari tradisi agung Islam di Timur Tengah ke tradisi tempatan di Alam Melayu.

Daripada bahagian akhir abad ke-19 sehingga awal abad ke-20, kesan penyebaran ini terhadap perkembangan Islam dan masyarakatnya di Alam Melayu berkembang dengan lebih mantap. Pada period ini, Timur Tengah, terutama Makkah sebagaimana dijelaskan oleh C. Snouck Hurgronje adalah "pusat kehidupan keagamaan" Alam Melayu, iaitu dari mana semangat keislaman telah

ditiupkan dan menciptakan sosio-politik yang dinamik ke dalam masyarakat Alam Melayu.

Dari segi pembentukan sifat penyebaran, period ini telah menyaksikan bahawa telah munculnya satu wacana intelektual yang baru, yang mana telah menyumbangkan kepada memperkenalkan petunjuk baru di dalam perkembangan Islam di rantau ini. Ianya telah dibentuk oleh beberapa ciri penyebaran yang baru.

Yang pertama adalah pada period ini telah bangkit dan berkembangnya satu kesedaran keagamaan yang baru. Selama bahagian terakhir abad ke-19, ulama-ulama Alam Melayu yang tinggal dan belajar di Makkah mempunyai satu pengalaman keagamaan yang baru, telah mengungkapkan bahawa mereka secara aktif telah melibatkan diri di dalam perkembangan hal ehwal agama dan sosial di negara-negara mereka. Mereka bukan sahaja menumpukan kepada menuntut ilmu (talab al-ilm) dari "syekh-syeikh" mereka di Makkah, tetapi mereka juga telah menyibutkan diri di dalam penyelidikan untuk memberi nasihat dan bimbingan di dalam membantu memecahkan masalah-masalah sosial dan keagamaan yang timbul di Alam Melayu. Oleh kerana itu, dari period ini bahawa telah muncul fatwa-fatwa ulama Alam Melayu di Makkah dengan pelbagai tajuk yang secara langsung menyentuh masalah-masalah yang timbul di Alam Melayu.

Dalam konteks ini, Syekh Ahmad al-Patani telah menghasilkan beberapa buah karya dan di antara yang sangat bererti dan terkenal ialah yang dinamakan **al-Fatawa al-Fathaniyah**. Karya yang setebal 292 halaman ini adalah merupakan

fatwa beliau yang membahas pelbagai aspek ilmu keagamaan yang timbul di Alam Melayu umumnya dan Patani khususnya. Betapa pentingnya kitab ini sehingga ia pernah dijadikan bahan kajian oleh Prayot Rahimmula untuk mendapatkan Ph.D di Fakulti Sains Sosial, Universiti Kent pada tahun 1992 dengan tajuk "The Patani Fatawa : A Case Study of The Kitab Al-Fatawa Al-Fathaniyyah of Shaykh Ahmad bin Muhammad Zain bin Mustafa Al-Fatani".

Selain itu, karyanya dalam bidang ilmu kalam yang sangat besar pengaruh dan kesannya kepada perkembangan ilmu kalam di rantau ini ialah **Faridat al-Fara'id**. Menurut pengakuan penulis sendiri bahawa karya yang ditulis dalam bahasa Melayu ini adalah merupakan intipati yang telah disaring dan diolah berdasarkan kitab-kitab utama fahaman ahlu sunnah wal jamaah. Kemunculan kitab ini sangat membantu masyarakat rantau ini yang tidak menguasai bahasa Arab di dalam memahami seluk beluk ilmu kalam. Kupasan Syeikh Ahmad al-Patani tentang ilmu kalam terdapat juga dalam karya-karyanya yang lain seperti **Bahjat al-Mubtadin wa Farhat al-Mujtahidin, Uqd al-Juman fi Aqa'id al-Iman dan Hadiqatul Azhar wa al-Rayahin**.

Dalam bidang fiqh, sumbangan Syeikh Ahmad al-Patani juga cukup besar terhadap perkembangan ilmu keagamaan di rantau ini kerana karya-karya beliau seperti **Fatawa al-Fathaniyyah** dan **Bahjat al-Mubtadin** adalah di antara kitab-kitab yang telah dan sedang diguna pakai oleh masyarakat Islam di rantau ini sebagai bahan rujukan mereka di dalam bidang fiqh.

Dalam bidang tasawuf, kedudukan Syeikh Ahmad al-Patani telah diakui sebagai salah seorang ulama Alam Melayu yang meneruskan tradisi kesusasteraan sufi yang pernah dirintis dan diperkenalkan oleh Hamzah Fansuri. Karya-karya beliau dalam bidang ini telah dikaji oleh sarjana-sarjana tempatan, di antaranya Dr. Syafi'e Abu Bakar dan Dr. Muhammad Bukhari Lubis yang mana hasil kajiannya telah meletakkan bahawa tokoh ini adalah merupakan pencetus Teori Takmilah sastera Melayu Islam di rantau ini.

Selain karya-karya yang disebutkan di atas, sumbangan beliau dapat diperolehi juga oleh masyarakat Islam di rantau ini melalui murid-murid beliau. Hampir semua ulama-ulama Alam Melayu yang datang ke Makkah untuk sambung belajar ketika itu adalah berguru dengan beliau. Di antaranya Tok Kenali yang merupakan salah seorang ulama Kelantan yang paling besar jasa dan sumbangannya di dalam perkembangan ilmu keagamaan di Kelantan adalah merupakan murid kesayangan Syeikh Ahmad al-Patani yang telah belajar dengan beliau selama dua puluh tahun di Makkah.

Berkembangnya ilmu keagamaan di rantau ini adalah kemungkinan besar didorong oleh meningkatnya jumlah para jamaah haji dari Alam Melayu yang pergi ke Makkah untuk melakukan ibadah haji dan tinggal di sana bagi satu tempoh yang relatif lama. Ini bukan sahaja membentuk satu perkumpulan orang-orang dari Alam Melayu di Makkah secara nyata yang disebut dengan "komuniti Djawah", tetapi juga telah menciptakan satu keadaan yang sangat baik untuk

tumbuh kesedaran tentang keadaan yang sebenar di negara mereka.

Tidak dapat dikesan secara pasti tentang pengaruh dari dua orang tokoh reformisme Mesir, iaitu Muhammad Abduh dan Rashid Ridha terhadap perkembangan pemikiran Syeikh Ahmad al-Patani, namun yang pasti bahawa apa yang mereka lakukan pada masa yang sama juga dilakukan oleh Syeikh Ahmad al-Patani. Di antara jasa-jasa Syeikh Ahmad al-Patani dalam konteks ini ialah melancarkan satu gerakan secara besar-besaran mencetak dan menyebarkan karya-karya ulama Alam Melayu dalam pelbagai tajuk ke rantau Alam Melayu itu sendiri. Usaha ini telah mendapat sokongan yang sangat baik dari pemerintah Turki Othmani yang memang merupakan negara “superpower” pada masa itu.

Melalui usaha ini, masyarakat Islam di rantau ini sangat berhutang budi kepada Syeikh Ahmad al-Patani kerana sebelum ini mereka tidak dapat memperolehi bahan-bahan bercetak di dalam bahasa Melayu sebagaimana pada masa Syeikh Ahmad al-Patani melancarkan gerakan ini. Bahan-bahan percetakan yang telah dirintis oleh Syeikh Ahmad al-Patani ini sampai sekarang masih terus dicetak dengan pelbagai percetakan yang baru muncul baik di Timur Tengah mahupun di Alam Melayu sendiri.

Selain sumbang-sumbang utama yang disebutkan di atas, pada masa yang sama, Syeikh Ahmad al-Patani telah memperlihatkan kecenderungan beliau kepada perkembangan politik semasa di dalam wacana intelektualnya. Kedatangan sejumlah besar jamaah haji Melayu ke Makkah dan mereka mengadakan hubungan

secara intensif dengan gagasan-gagasan reformisme dari Mesir telah membentuk satu faktor penting di dalam perkembangan kesedaran politik di kalangan orang-orang dari Alam Melayu yang tinggal di Makkah pada masa itu. Dalam konteks ini Syeikh Ahmad al-Patani telah memainkan peranan yang sangat penting dengan mengadakan hubungan secara langsung dengan pemerintah Turki Uthmaniyah. Syeikh Ahmad al-Patani bercita-cita ingin membentuk negara Islam yang meliputi Patani, Kelantan dan Terengganu dan secara langsung kerajaan Islam ini berada di bawah naungan Kerajaan Turki Uthmaniyah.

Kesan sumbangan Syeikh Ahmad al-Patani dalam bidang politik telah melahirkan tokoh-tokoh pejuang yang hebat dan berkaliber. Di Patani, Haji Sulong bin Abdul Qadir yang merupakan ulama Patani yang pertama bergerak secara aktif di arena politik tanah air adalah merupakan murid Syeikh Ahmad al-Patani. Begitu juga di Kelantan telah lahir seorang pemimpin yang berwibawa dan disegani oleh masyarakat, iaitu Nik Mahmud bin Nik Ismail, juga merupakan murid kesayangan Syeikh Ahmad al-Patani. Pada awal dekad abad ke-20 bahawa sentimen politik ini mula diungkapkan secara nyata di dalam gerakan politik di kalangan masyarakat Melayu yang tinggal di Timur Tengah. Ini secara nyata terjadi pada 1920-an apabila jumlah pelajar-pelajar Melayu di Makkah telah meningkatkan kesedaran politik dari kalangan mereka tentang betapa bahayanya penjajahan orang kafir ke atas negara-negara Islam, terutama di rantau Alam Melayu.